

MAHATHIR - BAKUN  
(1)

1984

SIBU, 11 SEPT (BERNAMA) -- SEBANYAK \$12 JUTA TELAH DILULUSKAN BAGI MENERUSKAN KAJIAN KEMUNGKINAN PROJEK HAIDRO-ELEKTRIK BAKUN DI DAERAH BELAGA BAHAGIAN KETUJUH SARAWAK, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

KATANNYA, SEKIRANYA PROJEK YANG DICADANGKAN ITU DILULUSKAN DAN KEADAAN KEWANGAN MENGIZINKAN PROJEK ITU AKAN MULA DILAKSANAKAN DALAM 1986 KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI AKHIR LAWATAN, TIGA HARI KE SARAWAK.

PROJEK YANG AKAN MENELAN BELANJA BERJUTA-JUTA RINGGIT ITU APABILA SIAP NANTX AKAN MENJADISUMBERPENDAPATAN UTAMA BAGI NEGERI INI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PERDANA MENTERI BERKATA PROJEK ITU APABILA SIAP DALAM 1995 MAMPU MENAMPUNG 2,400 MEGAWAT ELEKTRIK, SAMA BANYAKNYA DENGAN KAPASITI DI SEMENANJUNG MALAYSIA SEKARANG.

BELIAU BERKATA BILANGAN ORANG YANG AKAN DIPINDAHKAN BERIKUTAN DENGAN PROJEK ITU TIDAKLAH MENJADI SOAL KERANA YANG PENTINGNYA IALAH IA MEMBAWA MANFAAT KEPADA NEGARA. --LAGI

MAHATHIR - BAKUN 2 SIBU ----

BELIAU BERKATA KAJIAN MENUNJUKKAN PROJEK BAKUN MERUPAKAN YANG PERTAMA DI SARAWAK WALAUPUN TIGA TEMPAT LAGI DAPAT MENGELUARKAN ELEKTRIK TELAH DIKENALPASTI.

KATANYA, PROJEK ITU AKAN MENDATANGKAN FAEDAH BESAR KEPADA RAKYAT KERANA 01 SAMPING MENDAPATKAN TUKARAN ASING IA JUGA DAPAT MEMBEKALKAN KUASA ELEKTRIK DENGAN HARGA MURAH DAN MEMBANTU MEMPERCEPATKAN PERTUMBUHAN INDUSTRI.

MENGENAI JALANRAYA DI SARAWAK, BELIAU BERKATA KERAJAAN PUSATH TIDAK LAMA LAGI AKAN MENGENALPASTI JALANRAYA YANG AKAN DIAMBIL-ALIH OLEHNYA DAN BELIAUPASTI XA AKAN MELIPUTI BEBERAPA BATANG JALANRAYA UTAMA.

BELIAU BERKATA MENTERI KERJAJAYA, DATUK S. SAMY VELLU AKAN MELAWAT NEGERI INI UNTUK TUJUAN TERSEBUT.

JIKA PERLU, BAYARAN TOL AKAN DIKENAKAN, TAMBAH BELIAU.

+ SABAHTELAH PUN BERSETUJU MENGENAI KUTIPAN TOL DAN BEGITU JUGA SEMENAMJUNG MALAYSIA. ADALAH GANJIL SEKIRANYA KITA TIDAK KENAKAN BAYARAN TOL DI SELURUH NEGARA, +LAGI.

2222MST 110984

D918

R B239 DEB

MAHATHIR - BAKUN 3 SIBU

KATANYA PENURAPAN JALANRAYA DI NEGERI INI BERGANTUNG KEPADA KEADAAN KEWANGAN.

ITULAH SEBABNYA PROJEK-PROJEK SEPERTI PROJEK BAKUN ADALAH PENTING KERANA WANG YANG DAPAT DISELAMATKAN BOLEH DIGUNAKAN UNTUK PEMBINAAN JALANRAYA, TAMBAH BELIAU. --BERNAMA.